

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM**

KAWASAN : KUALA SELANGOR

TARIKH : 25.03.2014

NO. SOALAN : 23

**YB Dato' Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI**

- a) apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan bakal dilaksanakan Kementerian untuk mengumpul atau mendapatkan pandangan, maklum balas dan input rakyat serta pihak-pihak berkepentingan lain berkenaan dengan TPPA; dan

- b) sejauh manakah pemahaman rakyat sehingga kini mengenai inti pati dan kandungan TPPA dan adakah perjanjian TPPA akan dimuktamadkan semasa kehadiran Presiden Amerika Syarikat ke Malaysia pada bulan April 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman, sebanyak 56 sesi konsultasi berkaitan TPPA telah diadakan sepanjang tahun 2013 bagi menerangkan kepada orang ramai dan golongan tertentu seperti NGO, badan-badan professional, ahli akademik dan agensi mengenai status rundingan TPPA dan bagi mendapatkan input-input untuk membantu Kerajaan dalam rundingan. Konsultasi tersebut bukan sahaja dianjurkan oleh MITI tetapi juga oleh Kementerian-Kementerian dan Agensi-Agenzi lain serta Dewan-Dewan Perniagaan dan NGO yang turut melibatkan penyertaan MITI. Sehingga kini, isu-isu yang berbangkit telah diperjelaskan sebaik mungkin agar pihak berkepentingan dapat memahami isu-isu yang menjadi kebimbangan mereka dan juga pendirian Kerajaan dalam menangani isu-isu tersebut. Kerajaan akan terus mengadakan sesi konsultasi ini dari masa ke semasa.

Secara am, pemahaman rakyat mengenai inti pati dan kandungan TPPA semakin meningkat dengan pelaksanaan sesi konsultasi ini. Selain daripada itu MITI juga telah menyampaikan maklumat mengenai TPPA di laman

sesawang, media massa dan media sosial serta melalui bahan-bahan penerbitan yang berkaitan.

Sehingga kini, masih banyak lagi isu-isu utama rundingan TPP yang tertunggak dan belum mendapat persetujuan ahli-ahli TPP. Adalah sukar rundingan tersebut dapat dimuktamadkan semasa kehadiran Presiden Amerika Syarikat ke Malaysia pada bulan April 2014.